



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

4 - 6 OKTOBER 2025 (SABTU - ISNIN)

RM400 Seekor: Peka Tuduh UPM Upah Syarikat Bunuh Anjing Liar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Kini	Berita	Online	3 Okt

Perkara servis adalah seperti berikut:

BARIS	PERIHAL SEBUTHARGA	KUANTITI	HARGA SEUNIT(RM)	JUMLAH HARGA(RM)
I	Perkhidmatan Menangkap Dan Melupuskan Anjing Liar Di Universiti Putra Malaysia Serdang Selangor	15	400.00	6,000.00
TOTAL				6,000.00

* Ringgit Malaysia : Enam Ribu Sahaja.

Gambar hiasan

Sebuah NGO alam sekitar menuduh Universiti Putra Malaysia (UPM) terlibat dalam pembunuhan anjing secara tidak sah, dengan mendakwa institusi pendidikan itu membayar sebuah syarikat pembersihan untuk membunuh haiwan tersebut.

Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) mendakwa UPM telah melantik sebuah syarikat perkhidmatan berpangkalan di Sentul untuk “membunuh” anjing pada kadar bayaran RM400 seekor.

“Bukti mengesahkan sekurang-kurangnya 15 ekor anjing telah dibunuh oleh (syarikat berkenaan) melalui tembakan. Bukti bergambar juga mengesahkan tindakan ini,” kata presiden Peka, Rajesh Nagarajan pada satu kenyataan hari ini.

Ketika dihubungi, seorang pekerja syarikat yang dinamakan dalam invois bertarikh November 2024 – yang dikatakan dihantar kepada UPM bagi tujuan “menangkap dan melupuskan anjing liar” – enggan mengulas dan sebaliknya mengarahkan

pertanyaan dikemukakan terus kepada UPM.

Walaupun invois itu tidak menyatakan cara anjing-anjing tersebut dilupuskan, dokumen berkenaan memaparkan beberapa cop yang kelihatan daripada pihak berkuasa UPM.

Semakan Malaysiakini terhadap syarikat itu juga mendapati hampir tiada kewujudan dalam talian, kecuali satu alamat dan nombor telefon pejabat.

Rajesh menegaskan tindakan pembunuhan tersebut jelas melanggar Seksyen 29 Akta Kebajikan Haiwan 2015, yang melarang perbuatan menyebabkan kesakitan, penderitaan atau kematian haiwan tanpa keperluan.

Dia berkata pembunuhan itu juga bercanggah dengan Seksyen 30(1) akta sama, yang melarang pembunuhan anjing, kucing atau haiwan tertentu lain menggunakan senjata api, kecuali dengan kebenaran pihak berkuasa veterinar bagi keadaan darurat atau kawalan penyakit.

“Penggunaan senjata api tanpa lesen yang sah juga berpotensi menjadi kesalahan di bawah Akta Senjata 1960 dan/atau Akta Senjata (Penalti Lebih Berat) 1971,” katanya lagi.

Selain mendesak supaya semua pembunuhan haiwan oleh UPM dihentikan segera, Rajesh berkata Peka juga menuntut polis dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjalankan siasatan terhadap UPM dan syarikat terbabit.

Tegasnya, Kementerian Pendidikan Tinggi turut perlu terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang tanpa lengah bagi memastikan semua pihak yang terlibat dipertanggungjawabkan sepenuhnya.

Malaysiakini sudah menghubungi UPM untuk mendapatkan maklum balas terhadap dakwaan ini dan masih menunggu jawapan.-
[MALAYSIAKINI](#)

UPM Nafi Upah Syarikat Bunuh Anjing Liar, Akan Buat Siasatan Dalam

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Kini	Berita	Online	3 Okt



Gambar hiasan

Universiti Putra Malaysia (UPM) melahirkan rasa kesal berhubung dakwaan sebuah NGO bahawa universiti itu melantik syarikat pembersihan untuk membunuh anjing terbiar di kawasannya.

UPM berkata pihaknya telah melancarkan siasatan terhadap perkara tersebut.

“UPM menzahirkan rasa kesal dengan insiden yang sedang tular ini. Sebagai institusi yang menjunjung tinggi aspirasi kesihatan planet termasuk kebajikan dan kesejahteraan haiwan, UPM

sama sekali tidak akan berkompromi dengan kejadian yang telah berlaku.

“UPM juga memandang serius setiap maklum balas serta dakwaan yang ditujukan kepada universiti berkaitan pengendalian haiwan liar,” kata universiti itu dalam kenyataan hari ini.

UPM turut menegaskan komitmennya untuk memastikan semua tindakan berkaitan pengurusan haiwan dilaksanakan secara bertanggungjawab, beretika dan mematuhi garis panduan serta peraturan yang

ditetapkan pihak berkuasa berkaitan.

“Justeru, UPM telah menubuhkan sebuah jawatankuasa siasatan dalaman untuk menyiasat dengan penuh teliti kejadian ini,” katanya lagi.

Terdahulu hari ini, Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) mendakwa UPM terlibat dalam pembunuhan anjing terbiar secara tidak sah, dengan mendakwa institusi itu telah membayar sebuah syarikat pembersihan untuk tujuan itu.

Peka mendakwa UPM melantik sebuah syarikat berpusat di Sentul, Kuala Lumpur untuk “membunuh” anjing dengan bayaran RM400 seekor.

“Bukti mengesahkan sekurang-kurangnya 15 ekor anjing telah dibunuh oleh (syarikat berkenaan) melalui tembakan. Bukti bergambar juga mengesahkan tindakan ini,” kata presiden Peka, Rajesh Nagarajan dalam kenyataan hari ini.

Dia berkata Peka menuntut agar UPM segera menghentikan semua pembunuhan haiwan dan turut menggesa polis serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjalankan siasatan terhadap UPM dan

syarikat berkenaan.

Ketika dihubungi, seorang pekerja syarikat yang dinamakan dalam invois bertarikh November 2024 – yang dikatakan dihantar kepada UPM bagi tujuan “menangkap dan melupuskan anjing liar” – enggan mengulas dan sebaliknya mengarahkan pertanyaan dikemukakan terus kepada UPM.

Walaupun invois itu tidak menyatakan cara anjing-anjing tersebut dilupuskan, dokumen berkenaan memaparkan beberapa cop yang kelihatan daripada pihak berkuasa UPM.

Semakan Malaysiakini terhadap syarikat itu juga mendapati hampir tiada kewujudan dalam talian, kecuali satu alamat dan nombor telefon pejabat.-
[MALAYSIAKINI](#)

Joint Effort Sees 287 Dogs Vaccinated in Kuching, Promoting Responsible Pet Ownership

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Dayak Daily	Sarawak	Online	4 Okt



Gambar Hiasan

KUCHING, Oct 4: A total of 287 dogs were vaccinated in a one-day programme jointly organised by the Kuching South City Council (MBKS), Department of Veterinary Services Sarawak (DVSS), Sarawak Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SSPCA), and Sarawak Veterinary Association (SVA) today.

According to the Sarawak Public Communication Unit (UKAS), of the 287, 114 dogs received their first doses, while 173 received booster doses during the Mass Vaccination, Licensing,

Microchipping, and Subsidised Neutering Programme held at the Sarawak Basketball Association Hall of Taman Seng Goon here.

At the same time, MBKS issued 182 new dog licences and 51 microchips, reinforcing responsible pet ownership among Kuching residents.

Six applications were also received under the MBKS, SSPCA, and SVA Subsidised Neutering Programme, aimed at controlling the stray population and promoting

animal welfare.

MBKS expressed its appreciation to all agencies and volunteers for their continued collaboration and support in ensuring the success of the programme, which aligns with ongoing efforts to protect public health and animal safety. —

[DAYAKDAILY](#)

CAP: Alarming Rise in Animal Abuse, Stronger Action Needed

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
New Straits Times	Nation	Online	4 Okt



Dogs were the most abused, with over 5,200 cases, followed by cats, and a range of other species including birds, rabbits, turtles, snakes and even exotic animals. - NSTP FILE PIC

GEORGE TOWN: The growing number of animal abuse and neglect cases in Malaysia is deeply troubling and demands urgent intervention, says the Consumers' Association of Penang (CAP).

As the world marks World Animal Day today, CAP is calling on Malaysians to confront the grim reality of increasing cruelty toward animals and to push for urgent action.

CAP president Mohideen Abdul Kader said this year's

World Animal Day theme, "Save Animals, Save the Planet!", reflected the deepening understanding that animal welfare is not just a moral concern but intrinsically tied to environmental health, public safety and sustainable living.

He said, in Malaysia, recent statistics painted a troubling picture.

Between 2021 and 2024, the Department of Veterinary Services (DVS) received 7,613 reports of animal abuse and

neglect.

Dogs were the most abused, with over 5,200 cases, followed by cats, and a range of other species including birds, rabbits, turtles, snakes and even exotic animals.

Selangor topped the list of complaints, followed by Kuala Lumpur and several other states.

"The extent of cruelty we are witnessing is a reflection of how far we have strayed from compassion.

"Animal welfare in Malaysia is deteriorating, and far too often, suffering is ignored in the pursuit of profit," he said.

Mohideen said much of the abuse occurred out of public sight, namely in factory farms and industrial agriculture.

He said animals raised for food are commonly confined in cramped sheds, cages or feedlots, stripped of the ability to perform natural behaviours like running, nesting or foraging.

Driven by the demand for cheap meat and dairy, these animals endure daily suffering.

"Fires and floods in farms regularly kill thousands of animals, which are unable to escape, either due to

confinement or physical conditions brought on by poor welfare standards.

"Despite these regular disasters, Malaysia has no formal protocols for rescuing or evacuating farm animals, resulting in both moral and financial costs.

"Livestock are often the forgotten victims in disaster response plans, left to die without intervention," he added.

Mohideen said cruelty was just as rampant in the commercial pet trade.

He said pet shops, puppy mills and backyard breeders continued to operate with minimal oversight.

Mohideen also raised serious concerns over the inhumane conditions many animals are kept in, such as puppies and kittens being separated from their mothers far too early, exotic birds being tethered or left in direct sun and animals suffering silently from untreated illnesses and malnutrition.

"Animals are being treated as merchandise, packaged for profit, not cared for as living beings.

"And without stronger laws and enforcement, this cycle of abuse will continue," he

pointed out, noting that the situation is even more dire for exotic pets, many of which are bought for status or novelty.

Lacking proper environments and care, these animals often experience high levels of stress and poor health.

Mishandling by children or untrained owners adds to their distress.

He said another troubling source of cruelty was animal-based entertainment, whereby animals such as elephants, tigers, monkeys and otters are still being used in circuses and tourism, often subjected to brutal training methods.

While enforcement remains weak, Mohideen said there had been small victories.

CAP noted that four incidents involving cats thrown from high-rise buildings between 2020 and 2024 were successfully prosecuted.

In total, 52 individuals had been charged, with nine imprisoned and others fined nearly RM1 million collectively.

"But the punishments are not proportionate to the suffering inflicted, and many cases never make it to court.

"Stronger legislation, consistent enforcement and public education are urgently needed.

"World Animal Day is not merely a day of recognition; it is a rallying cry.

We call on the government, industries and the public to reassess their relationship with animals and demand systemic change.

"A cruelty-free future is not only possible, it is necessary for the survival of both animals and our planet. Let us not wait for another tragedy to act. The time for reform is now," he said.-[NST](#)

7,613 Laporan Dera, Abai Haiwan direkodkan dalam Tiga Tahun- CAP

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	4 Okt



Gambar hiasan

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa masyarakat dan pihak berkuasa memberi keutamaan terhadap isu kebajikan dan perlindungan haiwan dengan sebanyak 7,613 laporan penderaan serta pengabaian haiwan direkodkan di seluruh negara antara 2021 hingga 2024.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu mendedahkan tahap ketidakperikemanusiaan yang membimbangkan dalam masyarakat dan

menuntut tindakan lebih tegas daripada pihak berkuasa serta perubahan sikap orang ramai.

Katanya, daripada jumlah itu, anjing mencatat kes tertinggi dengan 5,226 laporan, diikuti kucing sebanyak 1,900 kes manakala selebihnya membabitkan lembu, kuda, arnab, burung, ayam, hamster, kambing, tikus belanda, angsa, itik, penyu dan ular.

"Selangor mencatatkan jumlah aduan tertinggi, diikuti Kuala Lumpur, Melaka, Kedah, Pahang, Negeri

Sembilan, Perak, Johor dan Pulau Pinang.

"Sementara Kelantan, Perlis, Terengganu, Putrajaya dan Labuan melaporkan angka lebih kecil," katanya dalam kenyataan sempena sambutan Hari Haiwan Sedunia 2025, di sini, hari ini.

Mohodeen berkata, CAP bagaimanapun memuji kejayaan pihak berkuasa membawa pelaku kekejaman haiwan ke muka pengadilan membabitkan empat insiden kucing dibuang dari bangunan tinggi antara 2020 hingga Mei 2024.

Beliau berkata, dalam tempoh sama, seramai 52 individu turut didakwa atas kesalahan pengabaian dengan sembilan daripadanya dipenjara dan 30 lagi didenda berjumlah RM970,800.

Mohideen turut mendakwa di Malaysia, kebanyakan haiwan ternakan terkurung menyebabkannya mengalami ketidakselesaan dan dihalang terbabit dalam tingkah laku semula jadi seperti berlari, bersarang dan mencari makan demi mengaut keuntungan.

"Amalan ini didorong permintaan untuk daging dan produk tenusu murah mengakibatkan penderitaan terutamanya untuk babi,

ayam dan itik di ladang perindustrian dengan kebajikan haiwan sering kali dikesampingkan.

"Kebakaran di reban atau ladang ayam yang membunuh beribu-ribu ternakan itu kerap dilaporkan dalam berita memandangkan pengusaha tidak dapat memindahkan sejumlah besar ternakan yang dipelihara dalam satu ladang," katanya.

Tambahnya, haiwan ternakan tidak berdaya sentiasa menjadi mangsa bencana alam tetapi tiada prosedur untuk memindahkan atau melindungi lembu dan ayam itik yang membawa kerugian kewangan ketara buat masa ini.

Pada masa sama beliau turut menggesa operasi kedai haiwan peliharaan dipantau lebih tegas dengan amalan seperti memisahkan anak anjing dan kucing terlalu awal daripada ibu mereka serta mengurung haiwan dalam keadaan tidak sesuai semakin berleluasa.

Katanya, tanpa perundangan lebih kukuh, haiwan akan terus dianggap sebagai komoditi semata-mata dan perkara sama turut berlaku kepada spesies eksotik yang sering kali jatuh ke tangan individu yang membelinya kerana status atau keunikan

tanpa pengetahuan menjaganya dengan betul.

"Akibatnya, haiwan itu menderita dalam diam kerana ditempatkan dalam habitat tidak sesuai diberi diet salah atau dikendalikan secara kasar, menjadikannya lebih terdedah kepada penganiayaan," katanya.

"Eksplotasi haiwan dalam industri hiburan juga perlu dihentikan segera. Haiwan seperti harimau, gajah dan monyet bukanlah penghibur dan sering dipaksa melakukan aksi luar tabii di bawah ancaman hukuman fizikal.

"Sebelum digunakan untuk tunggangan, gajah mengalami kaedah 'asakan' yang kejam dengan dipukul, kelaparan yang direka untuk mematahkan semangat, memaksanya menyerah dan amalan kejam ini telah dikutuk secara meluas oleh pertubuhan kebajikan haiwan.

"Justeru Hari Haiwan Sedunia mengingatkan bahawa haiwan berhak dilindungi serta peluang menyokong usaha dunia tanpa kekejaman hanya dapat dicapai apabila penderitaan haiwan akibat pertanian industri, eksplotasi haiwan seperti barang dagangan diakui dan ditangani dengan baik," katanya.-[MYMETRO](#)

7,613 Laporan Dera, Abai Haiwan direkodkan dalam Tiga Tahun- CAP

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Kes	Online	4 Okt



Gambar hiasan

GEORGETOWN: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa keutamaan diberikan terhadap isu kebajikan serta perlindungan haiwan, selepas 7,613 laporan penderaan dan pengabaian haiwan direkodkan di seluruh negara antara 2021 hingga 2024.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader, berkata statistik dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu mendedahkan tahap ketidakperikemanusiaan membimbangkan dalam masyarakat dan menuntut tindakan lebih tegas

daripada pihak berkuasa serta perubahan sikap orang ramai.

Daripada jumlah itu, penderaan anjing tertinggi dengan 5,226 laporan, diikuti kucing dengan 1,900 kes dan selebihnya membabitkan lembu, kuda, arnab, burung, ayam, hamster, kambing, tikus belanda, angsa, itik, penyu dan ular.

"Selangor mencatatkan aduan tertinggi, diikuti Kuala Lumpur, Melaka, Kedah, Pahang, Negeri Sembilan, Perak, Johor dan Pulau Pinang, sementara Kelantan,

Perlis, Terengganu, Putrajaya dan Labuan melaporkan angka lebih kecil," katanya melalui kenyataan sempena sambutan Hari Haiwan Sedunia 2025 hari ini.

Mohideen bagaimanapun memuji kejayaan pihak berkuasa membawa pelaku kekejaman haiwan ke muka pengadilan membabitkan empat insiden kucing dibuang dari bangunan tinggi antara 2020 hingga Mei 2024.

Dalam tempoh sama 52 individu turut didakwa atas kesalahan pengabaian dengan sembilan dipenjarakan dan 30 lagi didenda dengan jumlah RM970,800.

Mengulas isu ini dalam konteks Malaysia, beliau berkata kebanyakan haiwan ternakan terkurung menyebabkannya mengalami ketidakselesaan dan dihalang terbabit tingkah laku semula jadi seperti berlari, bersarang dan mencari makan, demi mengaut keuntungan.

"Ini tidak termasuk permintaan untuk daging dan produk tenusu murah mengakibatkan penderitaan terutamanya untuk babi, ayam dan itik di ladang perindustrian dengan kebajikan haiwan sering kali dikesampingkan.

"Kebakaran di reban atau

ladang ayam yang membunuh ribuan ternakan kerap dilaporkan dalam berita memandangkan pengusaha tidak dapat memindahkan sejumlah besar ternakan yang dipelihara dalam satu ladang.

"Haiwan ternakan tidak berdaya juga sentiasa menjadi mangsa bencana alam, tetapi tiada prosedur untuk memindahkan atau melindungi lembu dan ayam itik yang membawa kerugian kewangan ketara buat masa ini," katanya.

Operasi kedai haiwan dan hobi

Dalam pada itu, beliau menggesa operasi kedai haiwan peliharaan dipantau lebih tegas dengan amalan seperti memisahkan anak anjing dan kucing terlalu awal daripada ibu mereka serta mengurung haiwan dalam keadaan tidak sesuai semakin berleluasa.

Tanpa perundangan lebih kukuh, katanya haiwan akan terus dianggap komoditi semata-mata dan perkara sama turut berlaku kepada spesies eksotik yang sering kali jatuh ke tangan individu yang membelinya kerana status atau keunikan, tanpa pengetahuan menjaganya dengan betul.

"Akibatnya, haiwan

menderita dalam diam kerana ditempatkan dalam habitat tidak sesuai, diberi diet salah atau dikendalikan secara kasar, menjadikannya lebih terdedah penganiayaan.

"Eksplotasi haiwan dalam industri hiburan juga perlu dihentikan segera. Haiwan seperti harimau, gajah dan monyet bukanlah penghibur dan sering dipaksa melakukan aksi luar tabii di bawah ancaman hukuman fizikal," katanya.-[BHONLINE](#)

HASS Sambut Baik Dua Langkah Baharu Kerajaan Negeri Perkukuh Kebajikan Haiwan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Sarawak	Tempatan	Online	5 Okt



PERSATUAN Haiwan Berperikemanusiaan Sarawak (HASS) menyambut baik dua pengumuman penting kerajaan Sarawak yang disifatkan sebagai langkah bersejarah dan berasaskan sains dalam memperkukuh kebajikan haiwan serta pengawalan rabies di negeri ini.

KUCHING: Persatuan Haiwan Berperikemanusiaan Sarawak (HASS) menyambut baik dua pengumuman penting kerajaan Sarawak yang disifatkan sebagai langkah bersejarah dan berasaskan sains dalam memperkukuh kebajikan haiwan serta pengawalan rabies di negeri ini.

Dua inisiatif tersebut ialah penubuhan Institut Veterinar pertama Sarawak di Semenggoh serta pelaksanaan program rintis CNVR (Tangkap, Kembiri,

Vaksin dan Lepas) melalui memorandum persefahaman (MoU) bersama Persatuan Pencegahan Kekejaman Terhadap Haiwan Sarawak (SSPCA) badan perlindungan haiwan tertua di negeri ini yang ditubuhkan sejak 1959.

Presiden HASS, Anna Wee, menzahirkan penghargaan kepada Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Dr. Sim Kui Hian, serta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato Sri Dr. Stephen Rundi Utom, atas komitmen mereka dalam

membawa pendekatan holistik dan berperikemanusiaan terhadap isu populasi haiwan terbiar dan pengawalan rabies.

“Kami amat menghargai inisiatif ini yang mewakili satu titik perubahan penting ke arah penyelesaian mampan berasaskan data, sains dan belas ihsan,” ujar Anna.

Beliau turut menekankan kepentingan dapatan terkini yang diiktiraf oleh Dr. Sim, bahawa hampir 46 peratus kes rabies terkini berpunca daripada haiwan peliharaan, bukan haiwan terbiar.

Fakta ini, katanya, membuktikan keperluan mendesak terhadap pendidikan masyarakat, vaksinasi serta pemilikan haiwan peliharaan secara bertanggungjawab.

Sementara itu, Zarina Jahan, penyelamat haiwan dan pengasas kumpulan Geng Pusak Jalan Sarawak (yang kini mempunyai lebih 64,000 ahli di Facebook), berkata ramai penyelamat bebas serta NGO kebajikan haiwan di seluruh Sarawak telah lama menjalankan vaksinasi dan kembiri terhadap kucing dan anjing jalanan secara sukarela di komuniti masing-masing.

“Selama ini, ramai penyelamat hidup dalam ketakutan apabila haiwan jalanan sering dipersalahkan sebagai punca rabies. Mereka berdepan kekecewaan akibat tindakan pelupusan haiwan secara melulu tanpa mengambil kira tanda vaksinasi atau kembiri,” katanya.

Menurut HASS, cadangan pelaksanaan program TNVR (Tangkap, Kembiri, Vaksin dan Lepas) secara sistematik telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) pada Ogos 2024, dengan menekankan pendekatan berasaskan komuniti dan kebajikan haiwan.

Pengumuman terbaru kerajaan negeri ini, menurut HASS, merupakan hasil kesepakatan dan perjuangan berterusan masyarakat sivil serta NGO kebajikan haiwan di Sarawak.

“Buat pertama kali dalam sejarah, pembuat dasar dan pertubuhan kebajikan haiwan dapat melangkah seiring berpaksikan sains, kasih sayang dan matlamat bersama demi mencapai Sarawak bebas rabies menjelang 2030,” tegas HASS.-[UTUSANSARAWAK](#)

7,613 Kes Dera, Abai Haiwan dalam 3 Tahun Dedah Ketidakperikemanusiaan Masyarakat – CAP

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
One Tiger	Home	Online	6 Okt



GEORGETOWN, 4 Okt: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa isu kebajikan haiwan diberi keutamaan selepas 7,613 kes penderaan dan pengabaian haiwan direkodkan di seluruh negara sepanjang 2021 hingga 2024.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader, berkata statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar itu mendedahkan tahap ketidakperikemanusiaan membimbangkan, terutama membabitkan anjing (5,226 kes) dan kucing (1,900 kes), selain lembu, kuda, arnab,

burung serta reptilia.

“Selangor mencatat aduan tertinggi, diikuti Kuala Lumpur, Melaka, Kedah, Pahang dan Negeri Sembilan, sementara negeri lain seperti Kelantan, Perlis, Terengganu, Putrajaya dan Labuan merekodkan angka lebih kecil,” katanya dalam kenyataan sempena Hari Haiwan Sedunia 2025.

Mohideen memuji tindakan pihak berkuasa membawa pelaku ke muka pengadilan, termasuk empat insiden kucing dibuang dari bangunan tinggi antara 2020

hingga Mei 2024. Dalam tempoh sama, 52 individu didakwa atas kesalahan pengabaian, dengan sembilan dipenjara dan 30 lagi didenda RM970,800.

Beliau bagaimanapun menegaskan kebajikan haiwan ternakan sering diketepikan demi keuntungan, termasuk kes haiwan dikurung tanpa ruang semula jadi, bencana kebakaran reban serta kekurangan prosedur menyelamatkan ternakan ketika bencana alam.

Selain itu, CAP mahu operasi kedai haiwan dipantau lebih ketat, khususnya isu pengurungan tidak sesuai dan pemisahan anak haiwan terlalu awal. Beliau turut mengecam eksploitasi haiwan eksotik serta industri hiburan yang memaksa haiwan melakukan aksi luar tabii.

“Tanpa undang-undang lebih kukuh, haiwan akan terus dianggap komoditi, bukannya makhluk bernyawa yang berhak dilindungi,” tegasnya.-[ONETIGER](#)

Haiwan Mempunyai Hak yang Wajib dijaga

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Aktif	Artikel	Online	5 Okt



Kredit foto: Facebook Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Gambar hiasan

PENDANG, 5 Okt (MalaysiaAktif) – Haiwan turut mempunyai hak untuk dilindungi daripada penderaan dan pengabaian.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah Dr. Shaharul Amar Talib berkata Akta Kebajikan Haiwan 2015 menetapkan haiwan seperti kucing dan anjing mempunyai hak yang wajib dijaga.

“Sekiranya hak-hak ini dilanggar atau haiwan dianiaya, tindakan undang-undang boleh diambil,”

katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Karnival Kebajikan Haiwan dan Sambutan Hari Rabies Sedunia 2025, di sini semalam.

Menurutnya, program tahunan itu diadakan bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang tanggungjawab mereka terhadap haiwan serta undang-undang yang melindungi kebajikan haiwan di negara ini.

Tambahnya, penganjuran karnival itu juga memberi ruang kepada masyarakat

untuk memahami bahawa kebajikan haiwan bukan sekadar menyediakan makanan, tetapi turut merangkumi perlindungan tempat tinggal, penjagaan kesihatan dan layanan yang berperikemanusiaan.

Karnival yang berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat lepas di Stadium Mini Pendang, di sini bukan sahaja memperkukuh kesedaran awam terhadap tanggungjawab moral dan undang-undang dalam menjaga haiwan, malah menyemai nilai kasih sayang serta keprihatinan sejagat dalam kalangan masyarakat.-

[MALAYSIAAKTIF](#)

Karnival Kebajikan Haiwan Didik Masyarakat Sayangi Haiwan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Aktif	Berita Tempatan	Online	6 Okt



Gambar hiasan

PENDANG, 5 Okt (MalaysiaAktif) – Penganjuran Karnival Kebajikan Haiwan 2025 dan Hari Rabies Sedunia 2025 yang berkonsepkan pendidikan dan kesedaran bertujuan mengajak masyarakat supaya lebih menyayangi dan memahami tanggungjawab terhadap kebajikan haiwan peliharaan dan terbiar.

Bagi pengunjung, Abdul Halim Ahmad, 65, program sedemikian memberi kesedaran kepadanya tentang kepentingan menyayangi dan menjaga kebajikan haiwan peliharaan.

“Saya datang dengan keluarga untuk lihat lembu ‘sado’ dan bawa cucu tengok haiwan di zoo mini. Memang seronok, tapi dalam masa sama saya belajar juga tentang cara betul menjaga haiwan.

“Harap program macam ni diadakan setiap tahun,” katanya ketika ditemui, di sini semalam.

Karnival selama tiga hari yang berakhir hari ini menghimpunkan baka lembu terbaik dari seluruh utara dan pantai timur negara melalui acara Himpunan

Lembu Sado Utara 4.0 selain turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti persembahan silat, pertandingan tomoi, cabutan bertuah dan jualan produk tempatan.

Karnival anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah itu menjadi platform mendekatkan masyarakat dengan usaha pihak berkuasa dalam memastikan kebajikan haiwan terus dipelihara, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan nilai kasih sayang dan tanggungjawab sosial.-[MALAYSIAAKTIF](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR